

**UCAPAN MENJUNJUNG KASIH  
YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR  
KETUA MENTERI SABAH**  
**SEMASA ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN DAN  
BINTANG-BINTANG SERTA PINGAT-PINGAT NEGERI SABAH SEMPENA HARI  
JADI RASMI KE-67 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH,  
TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN  
TAHUN 2020, DI ISTANA NEGERI, KOTA KINABALU.**  
**3 OKTOBER,2020**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Bintang-Bintang Serta Pingat-Pingat Negeri Sabah Sempena Hari Jadi Rasmi Ke-67 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (DR.) Haji Juhar Bin Datuk Haji Mahiruddin.
2. Dengan penuh hormat dan takzimnya, saya bagi pihak Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Sabah menjunjung kasih serta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan dirgahayu kepada Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah sempena Hari Jadi Rasmi yang ke-67 Tuan Yang Terutama Tun.
3. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan sentiasa dilimpahi rahmat dan hidayah-Nya, berada dalam keadaan sihat dan sejahtera serta berbahagia bersama keluarga tersayang.
4. Alhamdulillah, Pilihan Raya Negeri Sabah yang ke-16 telahpun berlalu dengan aman dan tenteram. Berkat restu dan sokongan Tuan Yang Terutama, Kerajaan Negeri baharu telahpun dibentuk. Saya bersama-sama barisan kepimpinan negeri yang baharu dilantik, bertekad dan komited untuk memikul tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh rakyat dengan penuh rasa keinsafan, ikhlas dan dedikasi.
5. Kerajaan Negeri juga bertekad untuk memperhebatkan lagi momentum pembangunan Negeri Sabah sebagaimana yang pernah dicapai oleh negeri ini sedikit masa dahulu, disamping menambahbaik kualiti hidup rakyat melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif yang meliputi pelbagai sektor pembangunan termasuklah memperkasa pembangunan infrastruktur dan utiliti luar bandar, meningkatkan kualiti pendidikan, kesihatan dan modal insan, menambahbaik kemudahan dan *connectivity* ICT, menyediakan lebih banyak perumahan mampu milik, mengurangkan kemiskinan, menambah peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan tahap keselamatan dan yang lebih penting, membangunkan semula ekonomi negeri yang ternyata mengalami kelembapan dan terjejas akibat Pandemik Covid-19.
6. Tuan Yang Terutama Tun ibarat payung perpaduan yang memayungi seluruh rakyat tanpa mengira bangsa, kaum dan agama. Sekalian rakyat amat menghargai kestabilan dan keharmonian hidup yang telah kita kecapi sejak turun temurun. Perasaan kekitaan dan saling hormat menghormati merupakan nilai budaya hidup yang akan terus kita semai dan amalkan supaya kemakmuran dan kersejahteraan dapat dikekalkan selama-lamanya.
7. Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat, berikrar untuk menumpahkan sepenuh taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Tuan Yang Terutama Tun untuk terus menaungi Negeri Sabah yang tercinta ini.

8. Di kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua penerima darjah-darjah kebesaran, bintang dan pingat kehormatan Negeri bersempena Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Bintang-Bintang Serta Pingat-Pingat Negeri Sabah pada tahun ini.

9. Saya berharap agar pengurniaan ini akan menyemarakkan lagi semangat dan iltizam semua penerima anugerah untuk terus menabur bakti dan memperkuuhkan usaha untuk sama-sama memajukan Negeri Sabah yang tercinta agar negeri ini terus maju, makmur, aman dan sentosa.

10. Akhir kata, sekali lagi saya serta seluruh rakyat di Negeri Sabah mengucapkan Selamat Hari Jadi kepada Tuan Yang Terutama Tun. Kami berdoa mudah-mudahan Tuan Yang Terutama Tun akan dipanjangkan umur dan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat serta sejahtera di bawah naungan Allah S.W.T.

Sekian.